

## **Siri Seminar IKMAS**

### **Menyelami Kehidupan Bajo di Sulawesi Selatan, Indonesia**

**Gusni Saat**

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

22 Februari 2007, pukul 2:30-4:30 petang  
Bilik Mesyuarat IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

#### **Abstrak**

Sama-Bajau, suku etnis Melayu yang tergolong dalam masyarakat maritim di Asia Tenggara dan bermastautin di tiga negara, Malaysia, Filipina dan Indonesia, dengan populasi tidak kurang sejuta orang. Di Indonesia Timur umumnya mereka masih hidup sebagai kumpulan minoriti di kawasan pesisir dan kepulauan sebagai nelayan kecil yang mundur. Menggunakan perspektif makro-sejarah dan struktural yang luas, makalah ini menyelami kehidupan sosial sebuah komuniti terbandar di Kelurahan Bajoe, Kabupaten Bone, Propinsi Sulawesi Selatan, Indonesia. Disamping data sekunder, perbincangan ini bersandarkan data empirikal tentang komuniti penelitian. Makalah ini menghujahkan bahawa kebolehan warga komuniti ini melakukan perubahan sosial ke arah pembangunan, tertakluk kepada faktor minda terutamanya pendidikan serta struktural seperti ekonomi dan politik.

#### **Biografi ringkas**

Gusni Saat adalah pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang sosiologi, kajian urbanisasi dan pembangunan bandar. Beliau telah menerbitkan buku *Komuniti Sama-Bajau di Bandar* (UKM, 2003) dan *Peribumi Teluk Sapanggar* (UKM, 2004) serta menerjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu karya H. Arlo Nimmo, *Lagu-Lagu Salanda dan Cerita-Cerita Lain tentang Sulu* (UKM, 1997). Beliau dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi oleh UKM pada tahun 2005 dan berhasil mengolah tesisnya untuk dibukukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (dijangka terbit pada tahun 2007) dengan tajuk *Sama-Bajau: Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*.